



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**SEMPENA MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2023M / 1445H
“TEMA : PERPADUAN TERAS MALAYSIA MADANI”**

**PADA 18 JULAI 2023 (SELASA) JAM 6.50 PETANG
DI MASJID DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, BUKIT MERTAJAM**

Bismillahirahmanirrahim,

Alhamdulillahi Rabbil Alamin,

Wassalatu Wassalamu Ala Asyrafil Anbiya I Wal Mursalin, Saidina

Muhammadin Wa 'ala Aalihi Wasahbihi Ajmain.

YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Haji Abd Rahman

Timbalan Ketua Menteri 1 Negeri Pulau Pinang

dan YBhg Datin Mohaini binti Mohd Saffar,

YB Dato' Mohd. Sayuthi bin Bakar

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dan YBhg Datin Zuraida binti Zahari,

YB Dato' Haji Abdul Halim bin Hussein

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dan YBhg Datin Wan Zuraida binti Amiruddin,

YB Dr. Hajah Norlela binti Ariffin

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

dan YBhg Tuan Muhamad Pauzi bin Ramli,

Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor,

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang,

Yang Amat Arif Dato' Abdul Karim bin Wahab

Ketua Hakim Syarie Negeri Pulau Pinang,

YBhg Dato' Seri-Dato' Seri, YBhg Datin Seri-Datin Seri,

YBhg Dato'-Dato', YBhg Datin-Datin,

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, Wakil-wakil Jabatan,

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Muslimin dan muslimat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan dan segala puji ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat kurniaan-Nya yang tidak terhitung oleh kita semua.
2. Bersyukur juga kerana dengan izin Allah SWT, saya dapat bersama-sama para hadirin sekalian dalam Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1445 Hijrah bersamaan Tahun 2023 Masihi, bagi menyempurnakan perasmian majlis yang penuh barokah ini.
3. Ucapan selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda yang telah bertungkus lumus, berkorban jiwa dan raga dalam menyampaikan risalah Islam sehingga dapat dikehendaki oleh kita semua pada hari ini.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah,

4. Setiap tahun umat Islam akan menyambut sambutan tahun baharu hijrah, atau Maal Hijrah atau Awal Muharram sebagai tanda memperingati peristiwa Nabi Muhammad SAW dan sahabat yang berhijrah dari Makkah ke Madinah pada tahun 622 Masihi yang telah membawa hikmah yang cukup besar apabila kaum Muhajirin dan Ansar dipersaudarakan, serta berkembangnya umat Islam ke seluruh pelosok dunia sehingga hari ini.
5. Melalui kisah dan sejarah Islam ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang saban tahun akan menganjurkan Majlis Sambutan Maal Hijrah supaya kita semua kembali menghayati perjuangan Baginda Nabi SAW dalam menyatukan umat Islam.
6. Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran, surah an-Nisa', ayat 100 yang bermaksud:

“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur”.

Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud:

“Dan orang yang berhijrah itu adalah orang yang berhijrah (menjauhkan diri) daripada melakukan apa yang Allah larang.”
(Hadis Riwayat al-Bukhari)

7. Kedua-dua ayat ini secara jelas menganjurkan, berhijrah bukan hanya sekadar perpindahan secara fizikal, bahkan memberi semangat kepada kita dalam memisahkan diri dari kejahatan dan melakukan perubahan jiwa ke arah yang baik sehingga ke mana pun orang mukmin pergi, nescaya ia akan dapat menemui tempat berlindung dan penghidupan yang akan menaunginya.

8. Melalui peristiwa hijrah ini, sejarah telah memperlihatkan bagaimana Nabi Muhammad SAW diutuskan ke dalam sebuah masyarakat yang sedang bergelut dengan pelbagai masalah. Kehidupan manusia ketika itu sarat dengan perpecahan. Perbalahan yang terjadi sejak puluhan tahun yang tidak pernah padam antara satu kabilah dengan satu kabilah yang lain. Tiada cahaya keimanan di dada. Tiada syariat yang mampu membendung tingkah laku dan juga sosial mereka.

9. Oleh itu, dapat disimpulkan kemuncak penghijrahan kaum Muhajirin merupakan satu peristiwa yang tiada tolok banding dalam sejarah ketamadunan manusia dan juga telah memecahkan tembok bangsa, kaum, kabilah dan adat resam. Akhirnya, telah menghasilkan pengorbanan yang besar kerana agama dan perpaduan umat Islam telah mencetuskan keagungan Islam dan kejayaan terbesar umatnya yang seterusnya membawa cahaya kemajuan ke seluruh dunia.

Hadirin dan hadirat yang dimuliakan Allah,

10. **“Perpaduan Teras Malaysia Madani”** merupakan tema yang telah dipilih sempena Sambutan Maal Hijrah pada kali ini. Saya kira, salah satu daripada empat (4) strategi utama Negara Madani adalah **“Menjamin kesejahteraan insan”**. Strategi ini dapat memandu konsep perpaduan sebagai teras Malaysia Madani agar kehidupan masyarakat dapat ditunjangi dengan prinsip adil dan ihsan. Institusi kemasyarakatan akan diperkasakan untuk menjaga martabat dan maruah keinsanan, norma sosial, hormat-menghormati dan solidariti. Menyemai semangat negara majmuk dan menghormati nilai kemasyarakatan ke arah pembinaan negara bangsa bertamadun tinggi.

11. Dalam hal ini, saya ingin memetik Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI pada 13 Februari 2023 berkenaan kepentingan memelihara keharmonian dan perpaduan kaum iaitu;

“Sesungguhnya perpaduan adalah penyatuan dalam perbezaan. Perpaduan adalah asas pembinaan kestabilan. Perpaduan adalah tiang kemakmuran. Perpaduan menyumbang kepada kemajuan. Perpaduan membawa kejayaan.”

12. Oleh itu, dalam keadaan dan situasi masa kini yang penuh dengan pelbagai cabaran, ujian dan perpecahan, maka adalah amat penting untuk umat Islam mendapatkan bekalan pedoman serta panduan supaya kehidupan menjadi lebih bermakna dan dapat mewujudkan perpaduan sebagai satu kekuatan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. Asas pembentukan negara dan penyatupaduan masyarakat sebagai teras Malaysia Madani harus diselami dan dijiwai agar rakyat berbilang kaum, agama dan budaya di negara ini dapat hidup harmoni serta bersatu padu melalui integrasi sosial, berdasarkan suatu ikutan hidup dan menghindarkan diri dari konflik yang mampu menyebabkan perpecahan.

14. Usaha penyatupaduan yang berterusan dapat dilaksanakan untuk mendidik, membentuk peribadi dan tingkah laku masyarakat Malaysia yang berjiwa insan, peduli serta meraikan kepelbagaian. Nilai-nilai ini merupakan cerminan masyarakat yang maju, terampil dan terangkum sebagai pengisian kapada sebuah Negara Madani.

15. Oleh itu, marilah kita sama-sama memulakan langkah pertama dalam membentuk perpaduan dengan bergaul mesra dan memupuk persefahaman antara kaum. Ibu bapa perlulah sentiasa menerapkan nilai-nilai perpaduan dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Bak kata pepatah, “Melentur Buluh Biar dari Rebungnya”.

16. Sempena dengan Maal Hijrah 1445 ini, saya menyeru kepada seluruh muslimin dan muslimat, khususnya warga Negeri Pulau Pinang, untuk terus bersemangat mempertahankan akidah Islam, berlapang dada untuk patuh dan taat kepada syariat agama serta sentiasa berakhhlak mulia dengan mengekalkan keharmonian dalam kehidupan sehari-hari.

17. Hindarkan sebarang persengketaan, perkelahian dan perbalahan. Hentikan perpecahan. Perkuatkan hubungan silaturrahim sesama kita. Tanamkan benih-benih kasih dan sayang dalam kehidupan sehari-hari. Suburkan ia dengan tanaman keikhlasan dalam segala sumbangan yang diberikan. Bugarkan kembali segala pengorbanan yang dicurahkan dengan kata-kata semangat antara satu sama lain. Semarakkan semangat cintakan ilmu pengetahuan dalam kehidupan. Inilah sebenarnya pusaka tinggalan sejak zaman berzaman.

18. Saya amat yakin dan percaya, jika kita berjaya amalkan dalam kehidupan harian seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, para sahabat, para tabiin dan para tabi' tabiin, dalam jangka panjang, kita akan mampu melihat lahirnya sebuah masyarakat, negeri dan negara yang maju serta harmoni, selari dengan prinsip dan nilai agama Islam yang kita cintai. Kesemua ini akan membawa kepada kemajuan dan kejayaan dalam kehidupan. Inilah kekuatan umat Islam.

19. Dalam konteks masyarakat Pulau Pinang, perpaduan kaum dan masyarakat sangatlah mustahak dalam memajukan negeri ini. Pulau Pinang mempunyai keunikan tersendiri berbilang kaum, agama dan kepercayaan. Namun hendaklah kita semua bersama-sama menjaga keharmonian kaum dan agama. Perbezaan dan fahaman politik janganlah dijadikan sebagai alasan untuk melemahkan perpaduan. Dalam hal ini, saya harap agar Pilihan Raya Negeri (PRN) ini dapat diadakan dengan aman dan selamat tanpa menimbulkan keadaan yang boleh mengancam ketenteraman awam.

20. Pada kesempatan ini juga, saya menyeru kepada semua rakyat Negeri Pulau Pinang untuk bijak memilih pemimpin yang akan mewakili suara rakyat dan yang dapat memerintah negeri ini dengan baik mengikut proses amalan demokrasi sedia ada. Selesai pilihan raya nanti kita semua hendaklah bersatu padu semula dan fokus untuk meningkatkan lagi kemakmuran negeri ini demi masa depan anak cucu kita yang lebih baik, maju, aman dan sejahtera.

21. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada jawatankuasa penganjur serta semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung bagi menganjur dan menjayakan Majlis ini. Semoga segala kebaikan dapat dimanfaatkan bersama. Semoga semangat “Hijrah” dapat terus ditanamkan ke dalam diri sebagai bahtera pedoman bagi membentuk perpaduan dan sebagai pencetus kepada kehidupan yang lebih baik dan terbaik di dunia dan juga di akhirat, Insya-Allah.

22. Dengan ini, dan dengan lafaz *Bismillahirahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Maal Hijrah Tahun 1445 Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.